

# Mahathir lancar

# Yayasan Seni

• Bina kebudayaan,  
tidak semestinya  
semata-mata dengan  
adakan undang2

KUALA LUMPUR, Sabtu — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini menegaskan usaha **membina kebudayaan kebangsaan** tidak semestinya dilakukan dengan **semata-mata** mengadakan peraturan, dasar atau undang-undang.

Usaha itu juga, kata **Perdana Menteri**, tidak sepatutnya diserahkan kepada pencinta-pencinta seni atau kerajaan saja.

Sebaliknya, pencadahan meluas kepada bentuk-bentuk dan corak seni yang bermutu perlu dilakukan dengan kerjasama dan sokongan setiap rakyat termasuk pihak swasta secara sukarela.

"Dengan cara itu, bukan saja kita mengasuh masyarakat supaya menerima dan menghayati seni yang sesuai dan bermutu tinggi tetapi ia juga membantu badan-badan seni memperbaiki mutu persembahan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Yayasan Seni di Auditorium Dewan Bandaraya di sini malam ini.

Yayasan Seni ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang akan memberi khidmat kepada masyarakat dalam bidang seni. Yayasan itu ditubuhkan atas daya usaha Pengerusinya, Puan Mahani Daim, isteri Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap badan-badan seperti Yayasan Seni akan dapat membantu mengiatkan semula kegiatan seni dan budaya terutamanya di Kuala Lumpur.

"Di samping pembangunan fizikal, kita juga perlu memupuk dan menggalakkan pembinaan akal menerusi penghargaan dan penghayatan seni. Kerana setiap kerja seni juga boleh mencerminkan ketinggian tamadun bangsa.

"Di samping kita memperkenalkan dan menggilap kembali unsur seni yang menjadi warisan, kita perlu mencipta untuk masa depan. Kita juga perlu meninggalkan tradisi generasi kita untuk generasi akan datang," ujarnya.

Beliau juga menegaskan, penyertaan dan sokongan semua golongan rakyat termasuk pihak swasta, melalui bantuan kewangan atau

kemudahan-kemudahan lain, adalah diperlukan bagi mencapai matlamat membina kebudayaan kebangsaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan TV3 menyiarkan program pertunjukan atau pementasan yang mencerminkan keperibadian kebangsaan yang dianjurkan oleh badan-badan seni di negara ini.

Perdana Menteri menjelaskan kerajaan memberikan lesen penyiaran kepada TV3, bukan semata-mata sebagai satu bentuk perniagaan, tetapi ia adalah untuk membolehkannya membantu kerajaan membina identiti dan memupuk keperibadian nasional.

Perdana Menteri berkata, TV3 patut memulakan rancangannya bagi membantu badan-badan seni seperti Yayasan Seni itu, dengan menyiarkan pertunjukan atau pementasan yang bernilai.

Katanya, dengan cara itu, masyarakat bukan sahaja dapat diasuh supaya menerima dan menghayati seni yang bermutu tinggi, juga membantu badan-badan seni memperbaiki mutu persembahan mereka.